

04 DEC 1999

Isa-Sumpah

MAJLIS ANGKAT SUMPAH MB & EXCO NS BARU PADA SELASA INI

SEREMBAN, 4 Dis (Bernama) -- Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada pagi Isnin bagi mengemukakan senarai barisan anggota exco baru Negeri Sembilan.

Beliau berkata selepas itu, pada sebelah petangnya beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar bagi memaklumkan kemenangan Barisan Nasional (BN) dan senarai anggota exco baru.

"Majlis mengangkat sumpah Menteri Besar dan anggota exco baru Negeri Sembilan di hadapan Tuanku Ja'afar akan berlangsung di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, pada pukul 9 pagi, Selasa ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan gelanggang go-kart di kawasan perindustrian Oakland, di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai senarai barisan exco baru, Mohamed Isa berkata senarai kesemua 32 orang Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) akan dikemukakan kepada Perdana Menteri.

"Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri dan beliau akan menentukan siapa yang difikirkan sesuai sebagai anggota exco," katanya.

Mengenai ura-ura bilangan anggota exco akan ditambah kepada 10 orang, Mohamed Isa berkata beliau tidak pasti sama ada bilangan itu ditambah atau kekal dengan lapan orang anggota.

Mohamed Isa yang juga Pengerusi BN dan Badan Perhubungan Umno negeri berkata antara faktor kejayaan BN negeri memenangi kesemua tujuh kerusi parlimen dan 32 kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum lepas ialah "kerja kuat dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat".

"Apa yang penting di sini ialah memberi penerangan kepada rakyat pada setiap masa terutama yang melibatkan isu-isu nasional yang diputar-belitkan oleh pembangkang. Kalau kita dapat jelas lebih banyak dan lebih jelas kepada ramai orang, saya ingat rakyat tidak akan tertipu," katanya.

Beliau berkata semua parti komponen BN negeri juga akan membuat post-mortem berhubung pelbagai perkara mengenai pilihan raya umum lepas.

Badan Perhubungan Umno negeri juga akan mengeluarkan surat kepada semua Umno Bahagian untuk menghantar laporan post-mortem dan menghantar surat kepada semua calon BN untuk mendapatkan pandangan serta penilaian mereka ketika pilihan raya umum lepas, katanya.

-- BERNAMA

RP NAK